PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 1999

Semua Pegawai Pengawal,

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN TAHUN 2000

PENDAHULUAN

1. Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan bagi tahun 2000. Pegawai Pengawal hendaklah mempastikan bahawa cadangan anggaran perbelanjaan bagi maksud perbelanjaan masing-masing disediakan mengikut garis panduan yang terdapat di dalam Pekeliling ini.

DASAR EKONOMI DAN BELANJAWAN TAHUN 2000

2. Prospek ekonomi bagi tahun 1999 dan tahun 2000 akan dipengaruhi oleh dua faktor utama. Pertama, ialah keberkesanan dan kepantasan pelaksanaan pelbagai langkah yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk memulihkan keyakinan pelabur dan pertumbuhan ekonomi yang terjejas oleh krisis kewangan yang melanda Asia Timur sejak pertengahan tahun 1997. Ini termasuk tahap pelaksanaan projek-projek yang telah diberi peruntukan perbelanjaan pembangunan. Kelewatan dalam melaksanakan projek-projek ini akan menyekat dorongan fiskal dalam mengembangkan aktiviti ekonomi negara.

3. Faktor kedua yang boleh mempengaruhi prestasi ekonomi negara ialah pertumbuhan permintaan luar untuk keluaran eksport negara. Tahap permintaan luar keluaran Malaysia akan bergantung kepada prestasi ekonomi negara-negara rakan perdagangan utama Malaysia. Unjuran ketika ini ialah prestasi ekonomi rakan-rakan perdagangan utama Malaysia adalah kurang menggalakkan. Hakikat ini boleh menjejaskan prestasi eksport negara. Ekonomi Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah *(EU*), contohnya, dijangka berkembang lebih perlahan pada tahun 1999, manakala ekonomi Jepun dan negara-negara ASEAN dijangka pulih hanya pada kadar yang lembab. Masih wujud risiko sekiranya negara-negara maju seperti Kumpulan Tujuh (*G7*) tidak berjaya mencergaskan

semula ekonomi mereka dan negara-negara membangun masih tidak dapat mengatasi kegawatan ekonomi akibat terjejas oleh krisis kewangan antarabangsa baru-baru ini. Dengan permintaan luar untuk keluaran Malaysia mungkin terjejas oleh kelembapan ekonomi rakan-rakan perdagangan utama negara, adalah diunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar hanya dijangka berkembang secara perlahan iaitu pada kadar 1% pada tahun 1999 dan antara 3% hingga 5% pada tahun 2000. Namun begitu, ada kemungkinan kadar pertumbuhan yang diunjurkan ini tidak tercapai sekiranya ekonomi dunia, khususnya negara-negara rakan perdagangan utama Malaysia, terus merosot.

4. Kadar pertumbuhan ekonomi yang terus lembab boleh membawa beberapa implikasi yang tidak diingini. Ini termasuk masalah kegagalan kewangan sektor korporat, peningkatan hutang tidak berbayar, sistem perbankan dan masalah sosial seperti kadar pengangguran yang meningkat. Oleh yang demikian, strategi belanjawan untuk tahun 2000 hendaklah ditumpukan kepada usaha-usaha mencergaskan aktiviti ekonomi negara, di samping menangani permasalahan sosial yang mungkin bertambah rumit sekiranya ekonomi terus lembab.

5. Di samping itu, Belanjawan Tahun 2000 hendaklah juga menyumbang kepada pengukuhan struktur ekonomi negara. Sungguhpun akaun semasa imbangan pembayaran telah mencatatkan lebihan pada tahun 1998, iaitu pertama kali sejak tahun 1989, akaun perkhidmatan masih terus mencatat defisit yang besar. Ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh sektor perkhidmatan negara yang terlalu bergantung kepada pasaran dalam negeri dan kurang berdaya saing dari segi mengeksport perkhidmatan dan mengganti sesetengah perkhidmatan yang diimport. Sungguhpun negara kebelakangan ini telah berjaya mencatatkan lebihan dalam sesetengah dagangan khidmat seperti perjalanan kerana adanya usaha gigih mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan pusat pendidikan, daya saingan sektor perkhidmatan masih boleh diperkukuhkan lagi untuk menjana dan menjimat pertukaran asing seperti dalam bidang pendidikan.

6. Sektor perkhidmatan negara perlu diperkukuhkan lagi bukan sahaja bagi mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan imbangan pembayaran tetapi juga untuk menjadikan sektor ini sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan. Ini adalah penting, memandangkan sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK negara adalah statik bagi dua dasawarsa atau dekad yang lalu iaitu pada sekitar 45% daripada KDNK. Sumbangan sektor perkhidmatan negara ini kepada KDNK adalah masih kecil berbanding dengan sumbangan sektor perkhidmatan negara-negara maju yang melebihi 60%.

7. Justeru itu, Belanjawan Tahun 2000 akan berpaksi kepada matlamat-matlamat berikut:-

7.1. mendorong pertumbuhan ekonomi dengan mengembangkan permintaan dalam negeri melalui pertambahan perbelanjaan secara berhemat;

7.2. meningkatkan daya saingan ekonomi negara melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan ekonomi;

7.3. mengukuhkan sektor perkhidmatan negara sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan bagi menangani defisit akaun perkhidmatan imbangan pembayaran; dan

7.4. meneruskan agenda sosio-ekonomi dan ekuiti bagi mengurangkan kesan negatif kelembapan ekonomi ke atas golongan berpendapatan rendah dan miskin.

ASAS-ASAS PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN TAHUN 2000

8. Berdasarkan kepada senario ekonomi tahun 2000 seperti yang diterangkan di atas, adalah perlu pengurusan dan kawalan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan terus diperkukuhkan memandangkan pada tahun 2000 Kerajaan masih terus memainkan peranan penting sebagai penggerak kepada pertumbuhan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi. Perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan perlu cekap di dalam penggunaan sumber-sumber kewangan dan tenaga manusia dan berkesan dari segi pencapaian objektif agensi masing-masing. Dengan menggunakan prinsip perbelanjaan seperti ini akan dapat mempastikan kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan terus bertambah kukuh, dan seterusnya membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

9. Di dalam menyediakan perbelanjaan tahun 2000 adalah perlu Pegawai Pengawal mengkaji semula prestasi perbelanjaan masing-masing bagi tahun-tahun lalu dan mengambilkira dasar perbelanjaan seperti yang dijelaskan di para 8 di atas. Bagi mencapai matlamat ini Pegawai Pengawal hendaklah memberi penegasan kepada perkara-perkara berikut di dalam menyediakan anggaran perbelanjaan tahun 2000:-

9.1. mengkaji semula prestasi perbelanjaan dengan tujuan untuk menentu dan membaiki kelemahan perancangan dan kawalan perbelanjaan yang telah menyebabkan tahap pencapaian prestasi perbelanjaan tidak sebagaimana yang dirancangkan supaya kadar kurang belanja dapat dikurangkan dan seterusnya memaksimumkan keberkesanan langkah dorongan fiskal;

9.2. mempastikan arahan-arahan Perbendaharaan telah diikuti dengan betul terutamanya arahan-arahan yang berkaitan dengan langkah-langkah untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi;

9.3. memberi keutamaan perbelanjaan bagi program-program peningkatan pembangunan sosial, pembendungan inflasi, pengukuhan kedudukan imbangan pembayaran dan peningkatan daya saing negara ;

9.4. mempastikan perbelanjaan yang dicadangkan telah mengambilkira kecekapan di dalam perbelanjaan dan keberkesanan di dalam mencapai objektif organisasi;

9.5. meningkatkan produktiviti dan daya saingan negara dengan memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia dan peningkatan kualiti perkhidmatan awam terutamanya yang dapat menjimatkan kos urusniaga dan mempermudahkan aktiviti sektor swasta;

9.6. memperkukuhkan imbangan pembayaran terutamanya akaun perkhidmatan dengan:-

9.6.1 memberi keutamaan kepada pembekal-pembekal perkhidmatan dalam negeri dalam semua urusan perolehan perkhidmatan Kerajaan; dan

9.6.2 memperkembangkan lagi sektor perkhidmatan dalam negeri seperti kemudahan pendidikan, latihan dan kesihatan untuk menjimatkan pertukaran asing di samping memperolehi pertukaran asing dengan menjual perkhidmatan sektor awam dan swasta kepada rakyat asing.

9.7. mempertingkatkan lagi usaha pemuliharaan alam sekitar dengan memperkukuhkan lagi penguatkuasaan dan kawalan alam sekitar; dan

9.8. selaras dengan keputusan Jemaah Menteri agensi-agensi Kerajaan adalah diminta mengkaji semula keahlian Malaysia di dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa dengan tujuan menentukan kos dan manfaat keahlian tersebut.

PENGURUSAN DAN KAWALAN KEWANGAN

10. Pengurusan dan kawalan kewangan yang kukuh adalah perlu bagi mempastikan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan dibuat dengan teratur, cekap dan berkesan. Pengurusan dan kawalan kewangan yang lemah akan menimbulkan banyak perkara-perkara negatif seperti pembaziran dan penipuan *(fraud*). Salah satu petunjuk kekukuhan pengurusan dan kawalan kewangan

ialah bilangan dan kekerapan teguran-teguran di dalam Laporan Ketua Audit Negara. Bilangan teguran dan kekerapan teguran atas perkara-perkara yang sama menunjukkan tiada atau amat sedikit usaha untuk membaiki kelemahan-kelemahan di dalam pengurusan dan kawalan kewangan.

11. Pertimbangan atas cadangan perbelanjaan agensi akan dibuat dengan mengambilkira usaha-usaha yang dibuat bagi membaiki dan meningkatkan tahap pengurusan dan kawalan kewangan agensi berkenaan. Adalah sukar bagi agensi untuk mengurus perbelanjaan peruntukannya dengan baik dan teratur sekiranya tahap pengurusan dan kawalan kewangannya lemah. Oleh itu agensi-agensi adalah diminta untuk mengambil tindakan membaiki kelemahan-kelemahan di dalam pengurusan dan kawalan kewangan masing-masing. Perbendaharaan bercadang untuk meneliti perkara ini semasa menimbang cadangan anggaran perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan.

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN MENGURUS

12. Format-format bagi penyediaan anggaran Perbelanjaan Mengurus dan anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2000 adalah mengikut format serta garispanduan seperti yang dinyatakan di **perenggan 12 hingga perenggan 18 kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1998.**

13. Akibat kegawatan ekonomi, sumber-sumber pendapatan negara adalah berkurangan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pada masa yang sama adalah penting bagi Kerajaan mempastikan Akaun Semasa Kerajaan Persekutuan berada sekurang-kurangnya dalam keadaan berimbang. Oleh itu semua Pegawai Pengawal perlu memastikan, semasa mengemukakan cadangan perbelanjaan dan setelah Anggaran Perbelanjaan dimuktamadkan dan diluluskan, peruntukan yang mencukupi disediakan bagi perbelanjaan yang

komited seperti emolumen, sewaan, perhubungan dan utiliti, penyelenggaraan dan perkhidmatan kontrak. **Peruntukan tambahan tidak akan diberikan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk perbelanjaan ini kecuali ianya melibatkan keperluan baru yang diluluskan oleh Perbendaharaan atau Jemaah Menteri.**

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Perbelanjaan Pembangunan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Tahun 2000

14. Penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2000 hendaklah mengikut panduan dan format seperti yang dinyatakan di **perenggan 20 hingga perenggan 24 kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1998**. Walau bagaimanapun kriteria keutamaan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) untuk tahun 2000 hendaklah mengikut ciri-ciri berikut:-

14.1. projek-projek yang mempunyai rantaian tinggi dengan sektor-sektor pengeluaran dalam negeri, iaitu projek-projek yang berdaya meningkatkan permintaan barangan dan perkhidmataan dalam negeri. Projek-projek yang mempunyai kandungan import yang tinggi perlu dielakkan;

14.2. projek-projek prasarana yang dapat meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos urusniaga dalam negeri;

14.3. projek-projek yang dapat dilaksanakan dengan segera dan menghasilkan pulangan (dalam bentuk perkhidmatan atau output) dalam jangka masa yang singkat *(short-gestation period)*;

14.4. projek-projek pembangunan sumber manusia, pembangunan desa

dan pembangunan sosial yang merangkumi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat; dan

14.5. projek-projek yang telah terikat secara kontrak atau yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

15. Pada tahun 1998, kurang belanja (*shortfall*) perbelanjaan pembangunan sebanyak 14.2%. Oleh yang demikian, tahap pelaksanaan projek-projek pembangunan perlu ditingkatkan supaya dorongan fiskal dapat dimaksimumkan bagi tujuan memantapkan pertumbuhan ekonomi negara. **Kementerian/Agensi-agensi Kerajaan hendaklah mempastikan peruntukan yang dipohon, khususnya bagi tujuan projek-projek pembangunan telah mengambilkira keupayaan melaksana (*implementation capacity*) di peringkat kementerian dan agensi-agensi pelaksana, dan adalah berasaskan perancangan yang rapi dan diselaraskan dengan keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut.**

16. Bagi badan-badan berkanun yang mempunyai rizab, sama ada di bawah perbelanjaan mengurus atau pembangunan, ianya hendaklah memaklumkan akan kedudukan rizab tersebut dengan menggunakan format PDG6 seperti di **Lampiran E kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1996.**

Peruntukan Bagi Projek Yang Dibiayai Melalui Pinjaman

17. Sebagaimana pada tahun-tahun lalu bagi projek-projek yang dicadangkan dibiayai melalui pinjaman, asas pertimbangan adalah mengikut kriteria-kriteria berikut:

17.1. projek bercorak komersial tidak akan dipertimbangkan bagi mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan; dan

17.2. projek yang berdayamaju dan mempunyai kadar pulangan dalaman melebihi sekurang-kurangnya kadar faedah yang ditetapkan mengikut projek.

18. Bagi maksud penyediaan peruntukan untuk projek sedia ada yang dibiayai melalui pinjaman, hanya projek yang telah ditandatangani perjanjian pinjaman akan disediakan peruntukan. Bagi projek baru, peruntukan akan disediakan bagi projek yang telah disediakan siling peruntukan di bawah RMT dan juga telah mendapat kelulusan pinjaman daripada Perbendaharaan. Oleh yang demikian, Pegawai Pengawal/Ketua Eksekutif adalah dikehendaki, sebelum mesyuarat pemeriksaan belanjawan, mengemukakan cadangan yang lengkap kepada Perbendaharaan bagi setiap projek yang memerlukan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan Perbendaharaan memberi pertimbangan yang sewajarnya semasa pemeriksaan belanjawan tahunan.

19. Untuk tujuan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan, Perbendaharaan telah mengkaji semula prosedur pengeluaran pinjaman dengan membuat beberapa pengubahsuaian kaedah pengeluaran pinjaman seperti di bawah:-

19.1 Pendahuluan sebanyak 15% daripada harga kontrak boleh dipertimbangkan bagi projek yang baru dilaksanakan dengan mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:-

(a) Surat setuju terima tender

(b) Bon pelaksanaan

(c) Polisi Insuran Tanggungan Awam

(d) Surat pengesahan di bawah Skim PERKESO

(e) Polisi Insuran Pampasan Pekerja.

19.2 Bayaran kemajuan boleh dikeluarkan secara Tanggungan Semasa dengan menyertakan salinan JKR 66/Salinan Inden Kerja/Salinan Pesanan Kerajaan.

19.3 Semua permohonan pinjaman baru boleh dikemukakan sekaligus untuk

sepanjang tempoh RMT berdasarkan jumlah peruntukan siling yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. Perjanjian Pinjaman akan ditandatangani sekali sahaja bagi setiap projek dengan tujuan bagi mengatasi masalah kelewatan kelulusan pinjaman sepertimana yang diperlukan setiap tahun kerana telah diluluskan pada awal RMT.

Unjuran dan Laporan Bulanan Perbelanjaan Pembangunan

20. Jemaah Menteri telah memutuskan supaya penyeliaan lebih rapi dibuat atas kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Bagi tujuan tersebut Jemaah Menteri telah mengarahkan Perbendaharaan mengemukakan laporan suku tahun prestasi perbelanjaan pembangunan iaitu perbandingan di antara perbelanjaan sebenar dengan perbelanjaan yang dijangkakan, manakala Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP), Jabatan Perdana Menteri pula dikehendaki mengemukakan setiap suku tahun laporan kemajuan pelaksanaan fizikal projek-projek pembangunan. Bagi membolehkan laporan-laporan suku tahun prestasi perbelanjaan pembangunan tersebut dikemukakan kepada Jemaah Menteri, setiap Pegawai Pengawal telah diminta di dalam mesyuarat pada 5 Februari 1999 di antara Ketua Setiausaha Perbendaharaan dengan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian supaya mengemukakan **unjuran bulanan perbelanjaan pembangunan kepada Perbendaharaan** dan **mengemukakan laporan bulanan prestasi perbelanjaan pembangunan melalui sistem SETIA, UPP, Jabatan Perdana Menteri tidak lewat daripada 7 haribulan bagi bulan berikutnya.**

21. Bagi cadangan perbelanjaan pembangunan tahun 2000 format yang menunjukkan unjuran keperluan aliran tunai seperti di **Lampiran 'A'** hendaklah dikemukakan **sebelum 30 November 1999** berdasarkan kepada anggaran yang dikemukakan kepada Parlimen.

PERJAWATAN

22. Pegawai Pengawal adalah diminta mengambil perhatian bahawa pada masa hadapan dasar pengecilan saiz sektor awam akan diteruskan. Selaras dengan dasar belanjawan untuk menerapkan unsur penjimatan, Kerajaan akan melaksanakan dasar Pengecilan Saiz Perkhidmatan Awam melalui strategi-strategi pemansuhan jawatan kosong, pengagihan semula pegawai-pegawai dan penstrukturan semula agensi-agensi Kerajaan sesuai dengan fungsi asas dan objektif terkini. Langkah-langkah tersebut juga disokong dengan program-program penswastaan, kajian terhadap komposisi anggota perkhidmatan awam ke arah pengurangan jawatan di mana fungsinya boleh dilaksanakan secara menggunakan sumber luar (*outsourcing*), mengkontrakkan (*contracting out*) atau pun *multiskilling*. Pengenalan kepada kaedah dan sistem bekerja yang baru dan efisyen, penggunaan alat automasi dan teknologi maklumat secara meluas di agensi-agensi Kerajaan juga digalakkan bagi meningkatkan lagi produktiviti Perkhidmatan Awam.

23. Pegawai Pengawal hendaklah melihat semula penggunaan/ penempatan sumber manusia di agensi-agensi masing-masing melalui pengagihan semula, pemansuhan jawatan atau/dan secara tukar ganti (*trade-off*). Sekiranya perlu, barulah Pegawai Pengawal boleh mengemukakan perakuan pewujudan jawatan melalui belanjawan tahunan. Seperti tahun 1999, bagi tahun 2000 ini juga pewujudan jawatan Pembantu Tadbir (Pekeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), Pembantu Tadbir Rendah, Pembantu Am Rendah dan Pekerja Rendah Awam tidak akan dipertimbangkan. **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1987 (Kawalan Bagi Maksud Mencapai Saiz Perkhidmatan Awam Yang Optimum)** masih berkuatkuasa dan hendaklah dipatuhi semasa menyediakan cadangan mengenai perjawatan melalui belanjawan tahunan.

24. Bagi memastikan senarai perjawatan yang seragam, tepat dan kemaskini disediakan, panduan yang telah diberikan di dalam surat **Kementerian Kewangan**

kepada semua Pegawai Pengawal bilangan B(29.00)576/1-1(30) bertarikh 21 Jun 1996 mengenai Penyediaan Senarai Perjawatan Di Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah dipatuhi.

PENYAMPAIAN CADANGAN PERBELANJAAN TAHUNAN

25. Semua cadangan Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan hendaklah disampaikan **pada atau sebelum 30 April 1999**. Penyampaian cadangan perbelanjaan hendaklah mengikut kalender seperti di **Lampiran 'B'** kepada Pekeliling ini. Cadangan perbelanjaan hendaklah dikemukakan kepada Agensi-agensi Pusat dalam bilangan seperti yang dinyatakan di dalam **perenggan 35 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1998**. Sekiranya cadangan perbelanjaan agensi tidak diterima oleh Perbendaharaan mengikut peraturan dan tarikh yang ditetapkan jumlah peruntukan tahun baru bagi agensi berkenaan adalah terpulang kepada budibicara Perbendaharaan sendiri.

ANGGARAN BELANJAWAN PROGRAM DAN PRESTASI

26. Buku Laporan Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi ialah maklumat tambahan yang dikemukakan kepada Parlimen sebagai menyokong pertimbangan Parlimen atas Belanjawan Negara. Kandungan laporan tersebut sepatutnya menerangkan, secara ringkas, apa yang hendak dicapai oleh agensi mengikut undang-undang atau mengikut arahan Kerajaan, apakah kaedah yang digunakan bagi mencapai perkara-perkara itu, bagaimanakah tahap pencapaian-pencapaian di tahun-tahun lalu dan apakah rancangan pencapaian bagi tahun baru. Kandungan bagi buku tersebut hendaklah dihantar kepada **Bahagian Sistem Pengurusan Kewangan, Perbendaharaan pada atau sebelum 1 Jun 1999.**

PERKARA-PERKARA LAIN

27. Di samping mengemukakan cadangan anggaran perbelanjaan di dalam bentuk dokumen, agensi-agensi adalah diminta mengemukakan di dalam disket bagi **format- format ABM-7 dan format ABP1/S2 yang terdapat di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1996 kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan.**

28. Pegawai-pegawai Pengawal adalah diminta memberi kerjasama di dalam mempastikan bahawa cadangan perbelanjaan yang dikemukakan kepada Agensi Pusat adalah mengikut arahan dan peraturan yang terdapat di dalam Pekeliling ini termasuk arahan mengenai tarikh penyampaian cadangan belanjawan. Kerjasama yang diberikan oleh Pegawai-pegawai Pengawal akan dapat membantu Perbendaharaan menyediakan belanjawan tahunan dengan lebih licin lagi.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' SYED DANIAL)
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
30 Mac 1999